

Jajaran TRL permudah 25,000 warga kota

➔ Laluan baharu 9km kurangkan
kesesakan sekitar pusat bandar raya

Oleh **Azzman Abdul Jamal**
azzman@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kesesakan lalu lintas yang teruk sudah menjadi perkara biasa buat warga kota.

Itu antara dugaan yang terpaksa dilalui mereka setiap hari berikutan pembangunan pesat selain penambahan jumlah kenderaan di ibu negara.

Menyedari masalah dihadapi serta keluhan pengguna, kerajaan mengambil inisiatif mencari jalan penyelesaian dengan mewujudkan laluan baharu bagi mengurangkan aliran trafik di sekitar pusat bandar raya.

Antaranya, projek pembinaan

Lebu Raya Duta-Ulu Klang (DUKE) Fasa 2 pada Disember 2014 membabitkan dua jajaran, iaitu Tun Razak Link (TRL) dan Sri Damansara (SDL) dengan kos RM1.183 bilion.

Kini, lebih 25,000 warga kota, khususnya yang menetap di utara Kuala Lumpur, terutama sekitar Gombak, Jalan Genting Klang dan Bandar Baru Sentul menerima berita gembira apabila TRL dibuka bermula jam 5 petang semalam.

Kurangkan kesesakan

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata jajaran sembilan kilometer (km) itu dijangka dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan Tun Razak, bulatan Jalan Pahang dan

persimpangan Jalan Duta.

"TRL bermula di Jalan Tun Razak berhampiran Hospital Kuala Lumpur (HKL) menghala utara melalui Jalan Pahang dan Jalan 9/48A. Ia dihubungkan ke jajaran sedia ada Lebu Raya DUKE Fasa 1 dan Jalan Gombak di Persimpangan Bertingkat Sentul Pasar.

"Jajaran ini mengandungi dua persimpangan bertingkat, dua pusingan U, empat tanjakan keluar masuk dan satu plaza tol, iaitu Plaza Tol Sentul (Tambahan)," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pembukaan TRL di Plaza Tol Sentul (Tambahan) yang turut dihadiri Ketua Pengarah Lembaga Lebu Raya Malaysia (LLM), Datuk Ismail Md Salleh.

Yang turut hadir, Pengarah Kon-

sortium Lebu Raya Utara-Timur (KL) Sdn Bhd, Tan Sri Lim Kang Hoo; Pengarah Urusannya, Tan Sri Lim Keng Cheng dan Pengarah Projek Lebu Raya DUKE Fasa 2, Zakaria Shaffie.

Fadillah berkata, jajaran itu juga akan menjadi laluan alternatif kepada pengguna dari Jalan Tun Razak yang ingin terus ke Lebu Raya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Lebu Raya Kuala Lumpur-Karak (KLK).

"Laluan baharu ini bukan sahaja memudahkan akses orang ramai, malah masa perjalanan turut dipendekkan, pemandu dapat jimat masa, kos seperti bahan bakar atau minyak kenderaan.

"Ia secara tidak langsung mengurangkan kos selenggaraan kenderaan pengguna, selaras motto

Kementerian Kerja Raya, iaitu Ke Arah Kesejahteraan Rakyat," katanya.

Optimumkan kutipan tol


Mengenai proses pembinaan SDL sejauh 7.4km, beliau berkata, ia sudah mencapai 98.2 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya selawat-lewatnya hujung tahun ini.

Sementara itu, katanya, reka bentuk Lebu Raya DUKE Fasa 2 mengoptimalkan sistem kutipan tol menerusi Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF) yang menggunakan teknologi pemantauan berfrekuensi radio (RFID).

Beliau berkata, sistem penyuaran trafik lengkap dan efisien juga dijangka dapat menyokong dan meningkatkan pembangunan di sepanjang koridor Lebu Raya DUKE.

Lebu Raya Duta-Ulu Kelang (DUKE) fasa 2

B/H M/S 12 29/09/2014





Info

Projek pembangunan Lebuhraya DUKE Fasa 2

- **Dilancar** Disember 2014, kos RM1.183 bilion
- **TRL** sejauh 9km dibuka secara berperingkat 23 Mei lalu
- **SDL** sejauh 7.4km siap 98.2 peratus, dijangka operasi hujung 2017
- **TRL** dapat kurangkan aliran trafik sekitar Jalan Tun Razak, Jalan Pahang
- **TRL** laluan alternatif dari Jalan Tun Razak ke Lebuhraya NKVE, Lebuhraya KLK

Fadillah (tiga dari kanan) merasmikan pembukaan jajaran TRL Lebuhraya DUKE Fasa 2 di Plaza Tol Tambahan, Sentul Pasar, Kuala Lumpur, semalam.